

1977

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN HARI INI BAHAWA UMNO AKAN MENJADI SEBUAH PERTUBUHAN YANG LUMPUH JIKA ORANG-ORANG MELAYU TERUS BERGANTUNG DAN MENGHARAPKAN SEMATA-MATA KEPADANYA BAGI MENDAPATKAN SEGALA KEMUDAHAN DAN BANTUAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN, UMNO BUAT MASA INI MERUPAKAN SEBUAH BADAN YANG AMAT MUDAH BAGI ORANG-ORANG MELAYU MENDAPATKAN SESUATU KEMUDAHAN.

KATANYA, +JIKA ORANG-ORANG MELAYU HENDAKKAN SESUATU, MEREKA DENGAN MUDAH BOLEH MEMPEROLEHINYA DENGAN CARA MENGATAKAN DIRINYA AHLI UMNO.

+ATAU CARA YANG LEBIH MUDAH IALAH DENGAN MENEMUI ORANG-ORANG TERTENTU DALAM UMNO, + TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA LUMPUR BANDAR DISINI.

BELIAU LALU MENYERU ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA BERSIKAP BERDIKARI DAN CUBA BERUSAHA SENDIRI BAGI MENDAPATKAN KEMUDAHAN DAN BANTUAN YANG DIPERLUKAN. -- BERSAMBUNG 1320/SZ

EE

B540

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENINGGATKAN, MEREKA TIDAK BOLEH BUAT SELAMA-LAMANYA BERGANTUNG KEPADA UMNO UNTUK MENGGUMAKAN KUASANYA DALAM KERAJAAN BAGI MEMBANTU ORANG-ORANG MELAYU.

SERALIKNYA, ORANG-ORANG MELAYU HENDAKLAH BERUSAHA SENDIRI UNTUK MEMPERJUANG DAN MEMPERTAHAKAN HAK MEREKA.

BELIAU JUGA BERPENDAPAT ORANG-ORANG MELAYU AKAN MENJADI SATU BANGSA YANG LEMAH JIKA IA SENDIRI TIDAK SANGGUP, DAN BERUPAYA MEMPERJUANG DAN MEMPERTAHAKAN HAK-HAKNYA.

+MALAH MEMANDANGKAN SINAP ORANG-ORANG MELAYU YANG SEMATA-MATA BERGANTUNG KEPADA PIHAK-PIHAK LAIN BAGI MEMBANTUNYA, SAYA KHUATIR ZAMAN KEHELAMAN TELAH BERMULA BAGI BANGSA ITU, + TEGASNYA.

DR. MAHATHIR MERAYU KEPADA ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA MERENUNG KEMBALI KEPADA SEJARAH TAMADUN DUNIA KHASNYA MENGENAI PERKEMBANGAN DAN KEUNTUNGAN EMPAYAR-EMPAYAR BESAR.

+SUATU CONTOH YANG BAIK IALAH SEJARAH ROMA YANG BEGITU MAJU TETAPI AKHIRNYA RUNTUH KERANA PEMERINTAHNYA MENGAMBIL ASKAR-ASKAR UPAHAN UNTUK MEMPERTAHAKAN KEAGUNGANNYA, + KATA BELIAU. -- BERSAMBUNG 1325/SZ

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP ORANG-ORANG MELAYU AKAN SENTIASA MENINGGATKAN TAULADAN INI BAGI MENDORONG MEREKA BERDIKARI DAN BERUSAHA DENGAN KEUPAYAAN SENDIRI BAGI MEMPERTAHAKAN HAK SENDIRI.

DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENYERU KEPADA AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMIKIRKAN CARA LEBIH BERKESAN UNTUK +MEMBIAYAI+ PERJUANGAN UMNO DEMI KEPENTINGAN BANGSA MELAYU SENDIRI.

BELIAU BERPENDAPAT INI DAPAT DILAKUKAN JIKA SETIAP AHLI MEMBERIKAN SUMBANGAN KEWANGAN YANG LEBIH BESAR KEPADA PARTI.

+ADAKAH SUMBANGAN YURAN SEBANYAK \$1 SETIAP TAHUN ITU SUATU PENGORBANAN YANG SUDAH MENCUKUPI BAGI UMNO?+ TANYA BELIAU.

+ADAKAH PENGORBANAN YANG KECIL INI SUDAH CUKUP UNTUK MEMBIAYAI PERJUANGAN UMNO YANG TELAH BERJAYA MENJADIKAN BANGSA MELAYU SEBAGAI SUATU BANGSA YANG MULIA DAN DIPANDANG TINGGI OLEH KAUM-KAUM LAIN?+ TANYANYA LAGI. -- BERSAMBUNG

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

YENDAHULU KETUA BAHAGIAN TERSEBUT, DATUK HAJJAH AISHAH GHANI MEMBERITAHU BAHAGIAN ITU TELAH DAPAT MENJALANKAN KEGIATANNYA DENGAN BAIK WALAUPUN IA TERLETAK DALAM KAWASAN MAJORITI BUKAN MELAYU.

BAHAGIAN ITU, KATANYA, TELAHPUN BERJAYA MENARIK PERHATIAN ORANGRAMAI DAN PIHAK BERKUASA TERHADAP BERBAGAI MASALAH WALAUPUN IA BARU DITUBUHKAN DUA TAHUN LALU.

DATUK HAJJAH AISHAH YANG JUGA MENTERI KEBAJIKAN AM DAN KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA BERKATA, BAHAGIAN ITU JUGA AKAN MENGANJURKAN SATU PERTANDINGAN GOLF TIDAK LAMA LAGI BAGI MENGUTIP DERMA.

WANG KUTIPAN ITU AKAN DIGUNAKAN BAGI MEMBAYAR YURAN MURID-MURID MISKIN SERTA BAGI MENJALANKAN SATU KEMPEN ANTI-DADAH.

BELIAU JUGA MENGULANGI SERUAN PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN SUPAYA MENGGUNAKAN COGANKATA +BERSATU+ UNTUK MENJAMINKAN KEPESATAN PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU.

DATUK AISHAH JUGA MENYAMBUK BAIK CADANGAN UMNO MEMBENTUK SEBUAH KOPERASI USAHA BERSATU. -- BERNAMA 1343/SZ